

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

KKM sedia pelan strategik hadapi risiko kemasukan cacar monyet

Pengembara dinasihati sentiasa waspada, elak aktiviti mampu tularkan jangkitan

Oleh Noor Atiqah Safaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) menyarankan individu yang melancong ke luar negara yang sudah mempunyai jangkitan cacar monyet sentiasa berwaspada dan elak melakukan aktiviti yang boleh menyebabkan jangkitan.

Menterinya, Khairy Jamaluddin juga meminta mereka segera mendapatkan rawatan jika mempunyai gejala.

"Bagi mereka yang sedang melancong ke luar negara, terutamanya negara yang sudah melaporkan kes cacar monyet, kita minta mereka berwaspada. Elakkan melakukan aktiviti yang boleh menyebabkan jang-

kitan," katanya menerusi video yang dimuat naik di media sosial, semalam.

Antara negara endemik cacar monyet yang melaporkan kes dari 15 Disember hingga Mei lalu ialah Cameroon, Republik Afrika Tengah, Republik Demokratik Congo dan Nigeria.

Selain itu, bagi negara bukan endemik, namun sudah melaporkan kes ialah di Australia, Belgium, Kanada, Perancis, Jerman, Itali, Belanda, Portugal, Sepanyol, Sweden, United Kingdom, Amerika Syarikat dan terbaru di Singapura.

Dalam pada itu, Khairy berkata, KKM sudah menyediakan pelan strategik bagi menghadapi risiko kemasukan cacar monyet ke negara ini antaranya dengan pengesanan serta notifikasi kes menerusi MySejahtera.

Beliau berkata, kementerian itu turut membuat pengambilan sampel, siasatan dan pengurusan kontak rapat serta pemantauan di pintu masuk antarabang-

sa seperti di lapangan terbang.

"Bermula 27 Mei lalu, KKM sudah menambah baik MySejahtera iaitu meletakkan *health alert* berkaitan cacar monyet dalam aplikasi berkenaan.

"Selepas pengembara isi borang praperlepasan dalam aplikasi MySejahtera, mereka yang tiba di negara endemik atau ne-

gara yang melaporkan kes cacar monyet akan menerima peringatan atau *alert* untuk membuat pemantauan kesihatan kenduri sekiranya terdapat sebarang gejala," katanya.

Selain itu, Khairy berkata, KKM akan memperluaskan penggunaan ubat antiviral Paxlovid ke fasiliti kesihatan swasta yang terpilih dalam waktu terdekat.

Katanya, sebelum ini penggunaan ubat berkenaan sudah digunakan di fasiliti kesihatan KKM sejak 15 April lalu, bagi merawat pesakit COVID-19 kategori dua dan tiga.

Sehingga kini, katanya, 1,364 pesakit COVID-19 sudah mene-



Khairy Jamaluddin



Individu melancong ke luar negara perlu segera mendapatkan rawatan jika mempunyai gejala cacar monyet.

(Foto hiasan)

rima rawatan menggunakan Paxlovid dan sembuh sepenuhnya tanpa sebarang kesan sampingan teruk.

"Rawatan ini terbukti selamat dan berkesan serta dapat mengurangkan kesan teruk jangkitan dan kadar kematian pesakit COVID-19. Justeru bagi memastikan akses yang lebih baik kepada pesakit, rawatan menggunakan ubat Paxlovid ini akan diperluaskan ke fasiliti ke-

sihatan swasta terpilih dalam waktu yang terdekat.

"Untuk makluman, pemberian ubat Paxlovid kepada pesakit di fasiliti kesihatan swasta adalah secara percuma," katanya dalam kenyataan.

Bagaimanapun, Khairy berkata, pesakit masih tertakluk kepada caj khidmat rundingan dan lain-lain caj berkaitan yang ditentukan oleh fasiliti kesihatan swasta berkenaan.

Kes HFMD di Pahang meningkat 16 kali ganda

Kuantan: Kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di Pahang meningkat 16 kali ganda sejak awal Januari sehingga kelmarin.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus, berkata berdasarkan statistik, sebanyak 3,760 kes direkod berbanding 233 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 3,585 kes atau 95.3 peratus jangkitan secara sporadik manakala 175 kes atau 4.7 peratus kes direkod di taska, tadika dan prasekolah.

"Sebanyak 3,375 kes memabatkan kanak-kanak berusia antara 0 hingga enam tahun, 326 kes pula dalam kanak-kanak tujuh hingga 12 tahun, manakala 59 kes individu berusia lebih 12 tahun.

"Majoriti kes HFMD pulih tanpa rawatan dan hanya 98 kes yang pernah dimasukkan ke hospital untuk pemantauan lanjut.

"Tiada kes yang dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) dan tiada kes kematian direkodkan," katanya pada sidang media selepas melakukan pemeriksaan dan pemantauan risiko di



Petugas kesihatan melakukan pemeriksaan ke atas kanak-kanak di Taska Ar Raudah, Kuantan, semalam.

(Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

sebuah taska, di sini, semalam.

Dr Nor Azimi berkata, sehingga semalam, sebanyak 505 premis taska diperiksa dan 35 daripadanya diarah tutup mengikut Akta Kawalan Penyakit Berjangkit 1988, manakala dua pusat jagaan harian yang membuat penutupan secara sukarela.

Berikutan berlaku peningkatan kes, beliau berkata, jabatan itu turut melaksanakan sesi latihan bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Bagi mengambil langkah pencegahan untuk mengelakkan jangkitan, katanya, semua ibu bapa dan pengasuh kanak-kanak perlu mengamalkan

kebersihan yang asas seperti mencuci tangan dengan betul terutama selepas menguruskan kanak-kanak ke tandas dan bilik mandi.

Katanya, pemilik premis sentiasa memastikan kebersihan terutama kawasan persekitaran serta melakukan proses nyahkuman, termasuk memabatkan

Majoriti kes HFMD pulih tanpa rawatan dan hanya 98 kes yang pernah dimasukkan ke hospital untuk pemantauan lanjut. Tiada kes yang dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) dan tiada kes kematian direkodkan.

Dr Nor Azimi Yunus, Pengarah JKN Pahang



peralatan dan perkakas yang digunakan kanak-kanak.

"Pengurusan taska, tadika dan prasekolah juga digalakkan untuk membuat saringan *gate keeping* di pintu masuk atau tempat permainan dalam bangunan untuk memastikan kanak-kanak yang hadir tiada tanda penyakit HFMD.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

Oleh Mohd Jamil
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sengaja cari nahas. Itu kesimpulan diperolehi apabila ramai mangsa yang mendapatkan khidmat doktor gigi palsu sebaliknya mengalami gigi 'gugur' dan kanser mulut.

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Dr Noormi Othman berkata, masalah serius seperti kanser yang terdapat dalam mulut boleh berlaku atau menjadi bertambah serius kesan rawatan haram diberikan golongan doktor gigi tidak bertauliah ini.

Menurutnya, kanser mulut berkenaan akan lebih melarat memandangkan pengamal pergigian haram ini tidak mempunyai ilmu dalam mengenalpasti keadaan mulut yang tidak normal seperti kanser mulut.

"Setakat ini pihak KKM mengesan enam bentuk perkhidmatan pergigian popular ditawarkan doktor gigi haram ini membabitkan pemasangan pendakap gigi (tooth braces), pemasangan veneer gigi, pemutihan gigi (tooth whitening), pembuatan dan pemasangan gigi palsu (dentur), cabut gigi dan penskaleran gigi.

"Setiap satu prosedur rawatan dikendalikan pengamal pergigian haram ini memiliki bahaya tersendiri.

"Sebagai contoh, pemasangan pendakap gigi (tooth braces) untuk tujuan rawatan ortodontik iaitu rawatan membetulkan kedudukan gigi yang tidak teratur (gigi



SERBUAN dilakukan pegawai KKM di sebuah butik kecantikan yang menawarkan khidmat veneer gigi.

'DOKTOR GIGI' HARAM

Boleh kena kanser mulut!

Rawatan haram ditawarkan doktor gigi tak bertauliah boleh menyebabkan kesan mudarat

jongang atau gigi berlapis) boleh menyebabkan bahan digunakan tidak melekap dengan kemas.

"Ini seterusnya terdapat risiko bahan itu tertelan atau tersedut yang seterusnya boleh menyebabkan keradangan dan jangkitan paru-paru. Selain dari itu, tiada kepastian samada pendakap gigi yang digunakan adalah selamat dan ti-

dak menjejaskan keselamatan dan kesihatan pesakit," katanya.

Menurutnya, bagi aktiviti pemasangan veneer gigi, pihak KKM khuatir bahan yang digunakan tidak memenuhi standard.

"Ini boleh menyebabkan gigi patah atau terkeluar selain terdapat risiko pesakit tertelan serpihan bahan yang patah atau terkeluar

ini. "Manakala bagi rawatan pemutihan gigi (tooth whitening), doktor gigi haram ini dikesan menggunakan asid dengan kepekatan berlebihan yang dibeli di pasaran. Proses ini seharusnya dilakukan pengamal pergigian bertauliah iaitu doktor gigi yang berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia di bawah Akta Pergigian 2018

serta menjalankan perkhidmatan di premis kesihatan yang berdaftar di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998," katanya.

Beliau berkata, bagi perkhidmatan pembuatan dan pemasangan gigi palsu (dentur), tukang gigi palsu ini tidak mengambil kira keadaan mulut pesakit serta anatomi mulut seseorang.

"Ini boleh menyebabkan gigi palsu yang diperolehi salah dipasang serta tidak dapat berfungsi dengan baik. Ini seterusnya boleh menyebabkan kesakitan sendi tulang rahang dan mengganggu kehidupan harian seseorang individu.

"Manakala tindakan mereka ini yang mencabut gigi pelanggan tanpa mematuhi prosedur yang betul boleh mengakibatkan komplikasi pendarahan berlanjutan, jangkitan selepas prosedur serta kesakitan yang berpanjangan.

"Malah penskaleran gigi yang dilakukan tanpa ilmu, alat dan kemahiran yang tepat boleh menyebabkan gigi dan gusi tercedera, sekaligus boleh mengakibatkan pendarahan berterusan dan kesakitan," katanya.

Harian Metro Selasa lalu, mendedahkan kemunculan ramai doktor gigi palsu atau tidak bertauliah yang menawarkan perkhidmatan di salon kecantikan dengan mengenakan bayaran sehingga RM3,000.

Bagaimanapun, pihak KKM berjaya membongkar dan melakukan tangkapan terhadap empat individu warga tempatan susulan serbuan di dua premis di Puchong, Selangor dan Cheras, Kuala Lumpur.

6 RAWATAN POPULAR DOKTOR GIGI PALSU DAN KESANNYA



1 PEMASANGAN PENDAKAP GIGI (TOOTH BRACES)
Boleh menyebabkan bahan tidak melekap dengan kemas dan keradangan serta jangkitan paru-paru.



2 PEMASANGAN VENEER GIGI
Risiko gigi patah atau terkeluar selain pesakit tertelan serpihan bahan asing.

3 PEMUTIHAN GIGI (TOOTH WHITENING)
Gigi menjadi sensitif dan gusi luka. Produk pemutih gigi yang tinggi kimia carbamide peroxide dan hidrogen peroksida boleh menyebabkan luka pada tenggorok dan saluran pencernaan.



4 PEMASANGAN GIGI PALSU (DENTUR)
Menyebabkan kesakitan sendi tulang rahang dan kerosakan gigi berhampiran gigi palsu.



5 CABUT GIGI
Mengakibatkan komplikasi pendarahan berterusan dan kesakitan



6 PENSKALERAN GIGI
Boleh menyebabkan gigi dan gusi tercedera dan pendarahan tanpa henti.

Sedia perjanjian elak pelanggan bocor rahsia

Kuala Lumpur: Risikan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati wujud pengamal pergigian haram meletakkan syarat supaya pelanggan menandatangani surat perjanjian khas.

Difahamkan dokumen itu bertujuan memastikan pelanggan tidak membocorkan rahsia kegiatan haram itu kepada pihak berkuasa.

Taktik itu sekaligus menyebabkan pelanggan merasa gusar untuk melaporkan kegiatan ini kerana beranggapan tandatangan pada surat perjanjian itu menyebabkan mereka terikat dan boleh disaman.

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Dr Noormi Othman berkata, pelanggan bagaimanapun tidak perlu gusar berikutan surat perjanjian itu tidak



la sepatutnya dipamerkan di premis (fasiliti) yang berdaftar dengan KKM. Sijil Pendaftaran Klinik dengan KKM juga sepatutnya dipamerkan di premis"

Dr Noormi Othman

sah dan tidak terpakai di mahkamah kerana kegiatan pengamal pergigian haram ini sememangnya salah di sisi undang-undang.

Menurutnya, seseorang doktor gigi bertauliah wajib memiliki Sijil Amalan Tahunan yang dikeluarkan Majlis Pergigian Malaysia. "Ia sepatutnya dipamer-

kan di premis (fasiliti) yang berdaftar dengan KKM. Sijil Pendaftaran Klinik dengan KKM juga sepatutnya dipamerkan di premis.

"Selain itu perkhidmatan pergigian yang selamat adalah disediakan di premis yang berdaftar dengan KKM. Premis yang selamat ini selalunya mempunyai

persekitaran sebagai sebuah klinik dan bukannya di salon kecantikan, rumah persendirian, rumah tumpangan atau di hotel mahupun di tepi jalan serta di pasar awam," katanya.

Beliau berkata, semakan pendaftaran pengamal pergigian boleh dilakukan melalui laman web Dental Practitioners Information Management System di pautan <https://dpims@moh.gov.my/>.

"Manakala bagi semakan klinik pergigian yang berdaftar dengan KKM boleh dibuat melalui laman sesawang <https://medicallprac.moh.gov.my/>.

"Sekiranya pernah ditipu, menjadi mangsa doktor gigi haram atau terdapat tawaran serta iklan perkhidmatan pergigian mencurigakan, sila laporkan ke Cawangan Perundangan dan Penguatku-

saan Program Kesihatan Pergigian KKM melalui talian 03-88834215 / 4212 / 4237.

"Tindakan boleh diambil mengikut Akta Pergigian 2018 [Akta 804] iaitu seseorang yang tidak berdaftar di bawah Akta ini tidak boleh menjalankan amalan pergigian. Jika disabitkan kesalahan di bawah subseksyen 62(3), mereka boleh didenda tidak melebihi RM300,000 atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

Tindakan juga boleh diambil di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM300,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Sentiasa waspada!

Saranan KKM kepada individu melancong ke negara ada jangkitan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyarankan individu yang melancong ke negara yang sudah mempunyai jangkitan cacar monyet atau 'monkeypox' untuk sentiasa berwaspada.

Menterinya, Khairy Jamaluddin berkata, individu berkenaan juga disarankan untuk tidak melakukan sebarang aktiviti yang boleh menyebabkan jangkitan cacar monyet berkenaan.

"Bagi yang sedang melancong ke luar negara terutamanya yang sudah melaporkan kes cacar monyet, kita minta mereka berwaspada. Elakkan melakukan aktiviti yang boleh menyebabkan jangkitan. Jika bergejala dapatkan rawatan segera," katanya menerusi video yang dimuatnaik di media sosial, semalam.

Antara negara endemik cacar monyet yang melaporkan kes dari 15 Disember hingga Mei lalu adalah Cameroon, Afrika, Congo



VIDEO nasihat berkenaan penyakit cacar monyet yang dimuatnaik Khairy di media sosial miliknya.

dan Nigeria.

Selain itu, bagi negara bukan endemik namun sudah melaporkan kes adalah di Australia, Belgium, Kanada, Perancis, Jerman, Itali, Belanda, Portugal, Sepanyol, Sweden, United Kingdom,

Amerika Syarikat dan terbaharu Singapura.

Sementara itu, Khairy berkata, bagi pihak kerajaan, KKM sudah menyediakan pelan strategik bagi menghadapi risiko kemasukan cacar monyet ke negara ini

antaranya dengan pengesanan serta notifikasi kes menerusi MySejahtera.

Katanya, pihaknya turut membuat pengambilan sampel, siasatan dan pengurusan kontak rapat serta pemantauan di pintu masuk antarabangsa seperti di lapangan terbang.

"Bermula 27 Mei lalu, KKM sudah menambah baik MySejahtera iaitu meletakkan 'health alert' berkaitan cacar monyet dalam aplikasi berkenaan.

"Selepas pengembara isi borang Pra-perlepasan dalam aplikasi MySejahtera, mereka yang tiba di negara endemik atau negara yang melaporkan kes cacar monyet akan menerima 'alert' sebagai peringatan untuk membuat pemantauan kesihatan kenduri sekiranya terdapat sebarang gejala," katanya.

Sebelum ini, Khairy dalam sidang medianya memaklumkan pengembara yang tiba dari negara endemik cacar monyet akan menerima notis kesihatan setiap hari selama 21 hari sebagai peringatan untuk membuat pemantauan kesihatan kenduri.

Kes HFMD meningkat 16 kali ganda di Pahang

Kuantan: Kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di negeri ini meningkat sebanyak 16 kali ganda kepada 3,760 kes sejak awal Januari sehingga kelmarin berbanding 233 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus berkata, sebanyak 3,585 kes atau 95.3 peratus berlaku secara sporadik, manakala 175 kes atau 4.7 peratus kes berlaku di tasika, tadika dan prasekolah.

"Sebanyak 3,375 kes membabitkan kanak-kanak berusia antara 0 hingga enam tahun, 326 kes pula berusia tujuh hingga 12 tahun manakala 59 kes individu berusia lebih 12 tahun.

"Majoriti kes HFMD pulih tanpa rawatan dan hanya 98 kes sahaja yang pernah dimasukkan ke hospital untuk pemantauan lanjut.

"Tiada kes yang dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) dan tiada kes kematian direkodkan," katanya pada sidang media selepas melakukan pemeriksaan dan pemantauan

risiko di sebuah tasika, di sini, semalam.

Dr Nor Azimi berkata, sehingga kelmarin, sebanyak 505 premis tasika diperiksa dan 35 daripadanya diarah tutup mengikut Akta Kawalan Penyakit Berjangkit 1988, manakala dua pusat jagaan harian membuat penutupan secara sukarela.

Katanya, berikutan berlaku peningkatan kes, pihaknya turut melaksanakan sesi latihan bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Bagi mengambil langkah pencegahan untuk mengelakkan jangkitan, katanya, semua ibu bapa dan pengasuh kanak-kanak perlu mengamalkan kebersihan yang asas seperti mencuci tangan dengan betul terutama selepas menguruskan kanak-kanak ke tandas dan bilik mandi.

Katanya, pemilik premis sentiasa memastikan kebersihan terutama kawasan persekitaran serta melakukan proses nyahkuman termasuk membatik peralatan dan perkakas yang digunakan kanak-kanak.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : LOKAL

KKM perluas penggunaan ubat antiviral Paxlovid

Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memperluaskan penggunaan ubat antiviral Paxlovid ke fasiliti kesihatan swasta yang terpilih dalam waktu terdekat.

Menterinya, Khairy Jamaluddin berkata, sebelum ini penggunaan ubat berkenaan sudah digunakan di fasiliti kesihatan KKM sejak 15 April lalu bagi merawat pesakit kategori dua dan tiga Covid-19.

Menurutnya, sehingga kini seramai 1,364 pesakit Covid-19 sudah menerima rawatan menggunakan Paxlovid dan sembuh sepenuhnya tanpa sebarang kesan sampingan teruk.

"Rawatan ini terbukti selamat dan berkesan serta dapat mengurangkan kesan teruk jangkitan dan kadar kematian pesakit Covid-19. Justeru, bagi memastikan akses yang lebih baik kepada pesakit, rawatan menggunakan ubat Paxlovid ini akan diperluaskan ke fasiliti kesihatan swasta terpilih dalam waktu yang terdekat.

"Untuk makluman, pemberian ubat Paxlovid kepada pesakit di fasiliti kesihatan

swasta adalah secara percuma.

"Bagaimanapun, pesakit masih tertakluk kepada caj khidmat rundingan dan lain-lain caj berkaitan yang ditentukan oleh fasiliti kesihatan swasta berkenaan.

"Walaupun Malaysia sudah memasuki fasa peralihan ke endemik dan sempadan negara juga sudah dibuka, golongan yang berisiko tinggi seperti warga emas dan individu dengan komorbiditi termasuklah mereka yang belum menerima vaksinasi, mesti diberikan perlindungan yang terbaik supaya mereka terhindar daripada mendapat kesan jangkitan Covid-19 yang teruk," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Khairy berkata, dalam usahanya memastikan golongan berisiko tinggi terus mendapat perlindungan daripada jangkitan Covid-19 yang optimum, KKM akan memulakan rawatan ubat antibodi monoclonal Tixagevimab plus Cilgavimab (EVUSHELD) dalam waktu terdekat.

AKHBAR : KOSMO!
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Pelan strategik KKM kawal cacar monyet

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) telah menyediakan pelan strategik bagi menghadapi risiko kemasukan cacar monyet atau monkeypox ke negara ini.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, antara pelan strategik yang dilancarkan termasuk memperkenal tatacara pengesanan dan notifikasi kes serta pengambilan sampel.

Beliau berkata, pelan lain termasuk siasatan dan penguurusan kes serta kontak rapat dan pemantauan di pintu masuk antarabangsa seperti lapangan terbang.

“Malah, bermula 27 Mei lalu, KKM juga telah menambah ‘Health Alert’ cacar monyet dalam aplikasi MySejahtera.

“Selepas pengembara mengisi borang prapelepasan dalam MySejahtera, pengembara yang tiba dari negara en-

demik cacar air atau dari negara yang sudah melaporkan kes cacar monyet akan menerima Health Alert tersebut.

“Health Alert itu adalah sebagai peringatan untuk membuat pemantauan kesihatan sendiri jika ada apa-apa simptom berkaitan cacar monyet,” katanya menerusi aplikasi TikTok kelmarin.

Katanya, beliau juga menasihatkan warga tempatan yang sedang melancong di luar negara terutama negara yang ada cacar monyet supaya sentiasa berwaspada.

Khairy Jamaluddin berkata, rakyat Malaysia juga diminta melaporkan segera jika dijangkiti cacar monyet selain mengelak daripada aktiviti yang menyebabkan jangkitan cacar monyet.

Setakat ini, katanya, tiada kes cacar monyet dilaporkan di Malaysia.

AKHBAR : KOSMO!

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEGARA

Kes HFMD di Pahang meningkat 16 kali ganda

KUANTAN – Kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) yang dilaporkan di negeri ini meningkat sebanyak 16 kali ganda iaitu sebanyak 3,760 kes setakat tahun ini berbanding hanya 233 kes pada tempoh sama tahun lalu.

Pengarah Kesihatan Negeri Pahang, Datuk Dr. Nor Azimi Yunus berkata, daripada jumlah kes berkenaan, lebih 95 peratus atau 3,585 kes berlaku secara sporadik, manakala 4.7 peratus atau 175 kes lagi dikenal pasti hasil penularan di pusat asuhan.

"Sebanyak 3,375 kes membabitkan kanak-kanak berusia enam tahun ke bawah, 326 kes bagi kanak-kanak tujuh hingga 12 tahun, manakala 59 kes dalam kalangan individu berusia lebih 12 tahun termasuk 44 kes membabitkan pesakit berusia lebih 18 tahun.

"Majoriti kes berkenaan pulih tanpa rawatan dan hanya

98 kes yang pernah dimasukkan ke hospital untuk pemantauan lanjut, namun tiada kes yang dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) serta tiada kes kematian direkodkan," katanya pada sidang akhbar selepas membuat pemeriksaan dan pemantauan risiko di sebuah taska di sini semalam.

Menurut Dr. Nor Azimi, sehingga semalam, sebanyak 505 premis taska telah dilawat untuk pemeriksaan dan 35 daripadanya telah diarah tutup mengikut Akta Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan dua pusat jagaan harian membuat penutupan secara sukarela.

Kata beliau, sejak peningkatan kes berlaku dengan mendadak, pihaknya telah melaksanakan pemeriksaan ke sebahagian besar pusat asuhan di negeri ini dan telah melaksanakan sesi libat urus dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi tujuan itu.



DR. NOR AZIMI (berdiri, dua dari kiri) melihat kakitangan sebuah taska melakukan proses nyahkuman di Kotasas, Kuantan semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

KKM sedia pelan strategik hadapi risiko cacar monyet

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan pelan strategik bagi menghadapi risiko kemasukan cacar monyet ke Malaysia.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, ia melibatkan tatabara pengesanan dan notifikasi kes, pengambilan sampel, siasatan pengurusan kes serta kontak rapat.

"Bermula 27 Mei lalu, KKM juga telah menambah amaran kesihatan cacar monyet dalam aplikasi MySejahtera," katanya menerusi rakaman video yang dimuat naik di laman Facebooknya pada Rabu.

Menurutnya, selepas pengembara mengisi borang pra pelepasan dalam aplikasi MySejahtera, pengembara

yang tiba dari negara endemic atau negara yang sudah melaporkan kes cacar monyet akan menerima amaran tersebut sebagai peringatan untuk membuat pemantauan kesihatan sendiri jika terdapat sebarang simptom.

"Bagi yang sedang melancong ke luar negara, terutamanya negara yang mempunyai kes cacar monyet, sentiasalah berwaspada."

"*Please be careful*. Elakkan aktiviti yang boleh menyebabkan jangkitan cacar monyet dan jika bergejala, segera dapatkan rawatan," kata beliau.



KHAIRY

Setakat Jumaat lalu, Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) Amerika Syarikat memaklumkan terdapat lebih daripada 700 kes cacar monyet dilaporkan di seluruh dunia.

Cacar monyet adalah penyakit yang jarang berlaku dan tidak seterusnya cacar kecil dengan menyebabkan ruam, demam, menggigit dan lenguh.

Wabak itu biasanya merebak di bahagian Afrika Tengah dan Barat, namun kes telah dilaporkan di Eropah sejak Mei dan jumlah negara yang terjejas meningkat sejak itu.

MALAYSIA SIAP SIAGA HADAPI PENULARAN PENYAKIT CACAR MONYET

KKM sedia pelan strategik menghadapi risiko kemasukan cacar monyet ke Malaysia

PELAN STRATEGIK

1. Memantau & mengendahkan ancaman penyebaran kes ke paras dunia sehingga tahap 2 Mei 2022 mengikut:
 - Tabung pengesanan & notifikasi kes
 - Inisiatif pengesanan & notifikasi kes
 - Langkah pengesanan & kawalan
 - Peta-peta risiko antarabangsa rasmi
2. AM & MOH sedia peruntukan pengesanan awal dan siasatan dalam bagi kesan awam.
3. KKM sedia bagi dan nilai pengesanan dan siasatan awal untuk awam dalam kes-kes tertentu.
4. Meningkatkan tempoh pengesanan awal di negara & area berisiko tinggi & menangani jangkitan awam & berisiko tinggi.
5. Hentikan berlepas ke area berisiko cacar monyet untuk:
 - Individu dalam tempoh kelainan/anjuran
 - Kes-kes berisiko tinggi
6. Memantau perubahan risiko melalui pengesanan & kawalan awal kes-kes berisiko tinggi.
7. Hubungi pejabat kesihatan melalui saluran rasmi atau & media sosial rasmi KKM.
8. Menyediakan peruntukan rasmi dengan:
 - Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
 - Jabatan Pendaftaran Tanah (JPT)
 - Agensi Kesihatan Awam (AKA)
 - Jabatan Pendaftaran Kewarganegaraan & Pendaftaran Melayu (JAKM)
9. Hubungi ahli penyelidikan di MySejahtera melalui:
 - Pengembara melalui borang pendaftaran di MySejahtera
 - Bagi pengembara berisiko rendah & berisiko tinggi
 - Plan kembara health alert untuk berisiko rendah & tinggi
 - Sabar menunggu untuk pengesanan berisiko rendah

PENGEMBARA DINASIHATKAN

Elakkan berlepas ke luar negara jika berisiko tinggi cacar monyet

- Elakkan berlepas ke negara berisiko tinggi
- Jika berisiko tinggi, jangan pergi ke negara berisiko tinggi

Rumahnya pengesanan ke luar negara jika berisiko tinggi & mengembara dengan pengawasan rasmi

Jika tidak ke Malaysia dari negara endemic, yang siapa berisiko cacar monyet, periksa kesehatan mereka melalui 11 pertanyaan sebelum berangkat berlepas

Sumber: Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin
Dibuat: 27 Mei 2022
Infografi: Remera

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION

This follows successful run in public hospitals with 1,364 Covid-19 patients fully recovered

DAWN CHAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE use of the oral antiviral drug, Paxlovid, will be expanded to private hospitals following a successful run in public hospitals with 1,364 people fully recovered up to June 5.

Health Minister Khairy Jamaluddin, in a statement yesterday, said there were no serious side effects among the patients who took the Covid-19 medication. The trial run at public hospitals started on April 15.

"The priority of the Paxlovid treatment are Covid-19 high-risk patients. This treatment is proven safe and effective. It can also reduce severe effects of the infection, as well as the Covid-19 death rate."

Paxlovid is the first antiviral medication Malaysia is using to treat Covid-19 patients with light to medium symptoms or those in categories 2 and 3 of the infection.


Khairy said expanding the use of Paxlovid to selected private healthcare facilities is important to improve Covid-19 patients' access to it.

He said as Malaysia had entered the transition phase to endemicity and with the borders reopened, high-risk groups such as senior citizens, those with comorbidities and the unvaccinated must be given the best protection against severe Covid-19 infection.

"The Paxlovid medication will be given for free to patients at the private health facilities.

"However, patients are still subjected to the consultation service charges, as well as other related fees determined by the private health facility."

Additionally, Khairy said, the



Paxlovid is the first antiviral medication being used in Malaysia to treat Covid-19 patients. REUTERS PIC

ministry would begin the monoclonal antibodies tixagevimab plus cilgavimab (Evusheld) treatment soon to ensure high-risk groups could get optimum protection against Covid-19 infection.

He said studies had shown that Evusheld antibody medication could protect a person from contracting Covid-19 for six months after inoculation.

"For now, Evusheld will be dispensed only at government hospitals. It can be used as a pre-exposure prophylaxis for those who have not been infected with Covid-19, but are at high risk of catching the virus.

"The assessment of the patient's eligibility for the medication will be done by the treating medical specialist. The criteria include one must be 12 years old and above, weigh more than 40kg and must be in the medium- to severe-immunocompromised group.

"This is taking into consideration the immune reaction of this group to Covid-19 vaccination. They may not reach the satisfactory level of immunity or those who cannot take the full immunisation due to medical grounds or have a history of severe reactions to the vaccination."

The administration of the antibodies, he said, would be done via two consecutive intramuscular injections of tixagevimab and cilgavimab.

As for the immunocompromised patients who had received the Covid-19 vaccine, Evusheld

must be given at least two weeks after the inoculation, said Khairy.

He also said the ministry had always been working to equip the nation's health system with equipment, as well as safe and high-quality medicines to safeguard the people from Covid-19 or serious effects.

"With medications and treatment methods that are always being enhanced, the ministry is confident that Malaysia is now on the right track to go through the transition phase to endemicity effectively and safely.

"The ministry will continue to be committed to boosting people's access to medication for treatment or to arrest the Covid-19 transmission in Malaysia.

"We will also ensure the fatality numbers due to Covid-19 and patients treated in the intensive care units are low and under control."

Meanwhile, Association of Private Hospitals Malaysia president Datuk Dr Kuljit Singh said private specialists would follow the guidelines provided by the ministry on the prescription of Paxlovid.

"There will be no charge on the antivirals except for consultation fees and other hospital charges.

"We are able to treat Covid-19 patients more effectively and patients seeking treatment in private hospitals will have better recovery and a reduced probability of getting into categories four and five of the infection."

Page 1 pic: A Covid-19 patient undergoing physiotherapy with the aid of a nurse at Kuala Lumpur Hospital in March.



Khairy Jamaluddin

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS

NINE DEATHS

COVID CASES ON DOWNWARD TREND

21,202 active cases reported on Tuesday, down from 23,046 on June 3

DAWN CHAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

COVID-19 cases are on a downward trend since June 3. The Health Ministry's CovidNow portal reported that up to Tuesday, there were 21,202 active cases, a drop from 21,630 a day before.

There were 23,046 active cases on June 3.

Of Tuesday's 21,202 active cases, 95.5 per cent, or 20,239, were

those serving home quarantine; 918, or 4.3 per cent, were hospitalised, while 20 others, or 0.1 per cent, were placed at the Covid-19 Quarantine and Low-Risk Treatment Centre.

There were 25 cases, or 0.2 per cent, of patients at intensive care units.

There were 153 hospital admissions in the Klang Valley, followed by Johor with 84 and Sabah with 56.

There were 1,547 recoveries on Tuesday, while nine deaths were reported with four brought-in-dead cases, raising the number of fatalities to 35,699.

On new cases, Malaysia logged 1,128 infections on Tuesday, raising the total number of cases to 4,517,447.

Selangor recorded 598 cases, followed by Kuala Lumpur with

170 and Penang with 78, said the ministry's Github data repository.

The portal said 68.5 per cent, or 16,109,012, of the adult population had received Covid-19 booster doses.

A total of 97.7 per cent or 22,983,258 of adults had been fully vaccinated while 98.9 per cent or 23,260,152 people had received one dose.

For those aged 12 to 17, 93.7 per cent or 2,913,983 were fully immunised, while 96.7 per cent or 3,008,534 had received one shot.

For children aged 5 to 11, 34 per cent or 1,206,179 had received both doses while 48.9 per cent or 1,733,566 had received one dose.

No booster doses were offered to adolescents and children.

DETECTION PROCEDURES

KJ: No monkeypox cases but we're on alert

KUALA LUMPUR: Malaysia is free from the monkeypox virus but remains alert to stop its spread, said Health Minister Khairy Jamaluddin yesterday.

Khairy, on Twitter, said the country had no reported monkeypox cases.

"To those travelling abroad, especially countries with monkeypox cases, always be cautious. Avoid activities that can cause monkeypox infection. If you have symptoms, get treated fast. Take care."

Khairy said the Health Ministry had a plan to tackle monkeypox cases.

Among them were detection procedures and case notifications; sample taking, investigations and case management as

well as close contacts and surveillance at international entry points such as airports, he said.

He added that from May 27, the ministry had included a monkeypox health alert feature in the MySejahtera application.

"After a traveller fills up a pre-departure form on the app, the person who arrives from a monkeypox endemic area or country that has reported cases will receive an alert to conduct self-health monitoring in case of any symptom."

Monkeypox, a zoonotic disease endemic in the animal population in western and central Africa, has been reported in Europe, North America, Australia, United Arab Emirates and Morocco.



Vaccine company Bavarian Nordic near Munich, Germany, is the only one in the world to have approval for a smallpox vaccine called Jynneos in the US and Imvanex in Europe, which is also effective against monkeypox. REUTERS PIC